



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 8 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	RM624,035 UNTUK USAHAWAN TANI MUALLIM, BATANG PADANG, SH -ONLINE RM624,035 UNTUK USAHAWAN TANI, NASIONAL, SH -15	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	LEBIH RM100 JUTA DILULUSKAN UNTUK AGROPRENEUR MUDA, SH -ONLINE	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

RM624,035 untuk usahawan tani Muallim, Batang Padang



Ahmad (lapan dari kanan) menyampaikan bantuan peruntukan 2020 di bawah Program Pembangunan Pertanian bagi usahawan tani daerah Muallim dan Batang Padang.

TANJUNG MALIM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak 13 peratus di bawah Program Pembangunan Pertanian bagi usahawan tani daerah Muallim dan Batang Padang pada tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan berjumlah RM624,035 itu lebih tinggi berbanding RM550,079 disalurkan tahun lalu atas faktor pertambahan petani dan peningkatan hasil pengeluaran pertanian yang begitu ketara di kawasan berkenaan.

"Peruntukan ini melibatkan komoditi utama di daerah ini iaitu program Pembangunan Kluster Tanaman Kontan seperti keledak, sengkang, tebu, labu, ubi kayu dan jagung iaitu sebanyak RM173,344.

"Bantuan Peningkatan Hasil Sayur sebanyak RM135,820, Program Tanam Semula Buah-buahan Terpilih seperti durian dan nangka (RM214,881), Pembangunan Kluster Tanaman Betik (RM19,990) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sebanyak RM80,000.

"Selain menggalakkan pengeluaran hasil lebih tinggi, agihan ini penting bagi memastikan kualiti serta kuantiti hasil tanaman dapat diperkukuhkan untuk pasaran dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penyerahan Bantuan Peruntukan Tahun 2020 bagi daerah Muallim dan Batang Padang serta Perasmian Kursus Pertanian Bandar di Dewan Serbaguna Masjid Kuala Slim di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Eliyas Saad; Exco Pertanian, Perladangan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri dan Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman.



Seorang penduduk Kampung Kuala Slim, Ahmad Shahabudin Abdul Rashid, 78, menerima kit bumi hijau disampaikan Ahmad (dua dari kanan) sempena Penyerahan Bantuan Peruntukan Tahun 2020 bagi daerah Muallim dan Batang Padang serta Perasmian Kursus Pertanian Bandar di Dewan Serbaguna Masjid Kuala Slim di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, peruntukan disalurkan tahun lalu telah memberi manfaat kepada 94 usahawan tani di daerah itu merangkumi seluruh kawasan pertanian seluas 1,552 hektar.

Katanya, hasil pengeluaran pertanian sahaja menyumbang sebanyak 27,080 tan dengan nilai pengeluaran lebih RM57.8 juta dan pulangan pelaburan bagi setiap RM1 yang diperuntukkan pula mendapat pulangan sebanyak RM105.

"Semua pencapaian ini melebihi dari sasaran kita kerana itu tahun ini, daerah ini menjadi antara kawasan yang diberi perhatian agar peruntukan diberi dapat memberi impak positif dan menjadi pencetus ke arah pembangunan sektor agromakanan yang lebih mapan.

"Sekurang-kurangnya kita nak melihat lebih ramai orang bersama dalam bidang pertanian, jika bukan secara besar-besaran, cukuplah secara kecil-kecilan di sekeliling rumah bagi membantu menampung keperluan harian," katanya.

Penerima bantuan, Pengerusi Jawatankuasa TKPM SKC Kuala Slim, Chong Chin Yoong berkata, peruntukan itu boleh digunakan bagi menampung kos tanaman semula sayuran dan buah-buahan selepas mengalami kerugian hampir 80 peratus disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Semasa PKP, kita akui mengalami kerugian teruk hanya sekitar 20 peratus sahaja hasil pengeluaran dapat dipasarkan manakala selebihnya rosak.

"Jadi dengan dana diberikan kerajaan ini, dapatlah kita susun semula pelan tanaman dan gunakan sebagai modal tanaman semula," katanya.

Headline	RM624,035 untuk usahawan tani		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Aug 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	15	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	normawati adnan	AdValue	RM 8,438
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,313



RM624,035 untuk usahawan tani

Diperuntukkan di Muallim dan Batang Padang atas faktor pertambahan petani, peningkatan hasil pertanian

Oleh **NORMAWATI ADNAN**

TANJUNG MALIM

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak 13 peratus di bawah Program Pembangunan Pertanian bagi usahawan tani daerah Muallim dan Batang Padang pada tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan berjumlah RM624,035 itu lebih tinggi berbanding RM550,079 disalurkan pada tahun lalu atas faktor pertambahan petani dan peningkatan hasil pengeluaran pertanian yang begitu ketara di kawasan berkenaan.

"Peruntukan ini melibatkan komoditi utama di daerah ini iaitu program Pembangunan Kluster Tanaman Kontan sebanyak RM173,344,

Bantuan Peningkatan Hasil Sayur sebanyak RM135,820, Program Tanam Semula Buah-buahan Terpilih seperti durian dan nangka (RM214,881), Pembangunan Kluster Tanaman Betik (RM19,990) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sebanyak RM80,000.

"Selain menggalakkan pengeluaran hasil lebih tinggi, agihan ini penting bagi memastikan kualiti serta kuantiti hasil tanaman dapat diperkukuhkan untuk pasaran dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penyerahan Bantuan Peruntukan Tahun 2020 bagi daerah Muallim dan Batang Padang serta Perasmian Kursus Pertanian Bandar di Dewan Serbaguna Masjid Kuala Slim di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Eliyas Saad; Exco Pertanian, Perladangan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri dan Pengarah Pertanian Perak, Norsiyenti Othman.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, peruntukan disalurkan pada tahun lalu telah memberi manfaat kepada 94 usahawan tani di daerah itu merangkumi seluruh kawasan pertanian seluas 1,552 hektar.

Katanya, hasil pengeluaran pertanian sahaja menyumbang sebanyak 27,080 tan dengan nilai pengeluaran lebih



Ahmad (lapan dari kanan) menyampalkan bantuan peruntukan 2020 di bawah Program Pembangunan Pertanian bagi usahawan tani daerah Muallim dan Batang Padang.

RM57.8 juta dan pulangan pelaburan bagi setiap RM1 yang diperuntukkan pula mendapat pulangan sebanyak RM105.

Penerima bantuan, Pengerusi Jawatankuasa TKPM SKC Kuala Slim, Chong Chin Yoong berkata, peruntukan itu boleh digunakan bagi menampung kos tanaman semula sayuran dan buah-buahan selepas mengalami kerugian hampir 80 peratus disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Dengan dana diberikan kerajaan ini, dapatlah kita susun semula pelan tanaman dan gunakan sebagai modal tanaman semula," katanya.



Seorang penduduk Kampung Kuala Slim, Ahmad Shahabudin Abdul Raehid, 78, menerima ktt bumi hijau disampaikan Ahmad (dua dari kanan) di Dewan Serbaguna Masjid Kuala Slim semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

Lebih RM100 juta diluluskan untuk Agropreneur Muda



Ahmad menyampaikan sijil kepada Werdawati Mohd Zaini, 37, mewakili 40 peserta Felda yang mengikuti Kursus Forensik Perniagaan dan Pemasaran Industri Makanan di Felda Besout 4 semalam.

TANJUNG MALIM - Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah meluluskan peruntukan lebih RM100 juta bagi program Agropreneur Muda sejak ia diperkenalkan pada tahun 2016.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bantuan itu membabitkan 6,063 usahawan muda seluruh negara dengan jumlah keseluruhan RM108.29 juta dalam bentuk geran dan pembiayaan merangkumi sektor makanan RM42.07 juta, perikanan (RM10.62 juta), ternakan (RM26.13 juta) dan industri makanan (RM29.47 juta).

"Tahun ini kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan sasaran membangunkan seramai 1,200 agropreneur muda.

"Bagi fasa 1, seramai 238 pemohon telah diluluskan Geran Agropreneur Muda dengan nilai keseluruhan RM4.01 juta dan daripada jumlah itu, 17 peserta merupakan dari Perak dengan kelulusan geran berjumlah RM333,000," katanya sempena lawatan kerja Agropreneur Muda di daerah Muallim di sini, semalam.

Menurutnya, kerajaan telah meluluskan bantuan geran sama berjumlah RM21.27 juta kepada 1,127 peserta Agropreneur Muda di Perak sejak 2016 dan antara projek tanaman terlibat termasuklah fertigasi cili, cendawan dan jagung, bantuan pembinaan kolam ternakan ikan, anak benih ikan serta bantuan kepada nelayan muda seperti pukot, sampen dan enjin.

"Bagi yang memerlukan bantuan bina kandang, usah kluatir kerana bantuan ini juga merangkumi penambahbaikan infrastruktur ternakan, tidak cukup dengan itu, bantuan input ternakan seperti anak lembu, kambing, itik dan arnab juga disediakan.

"Apabila kita bercakap berkenaan roti, kek dan lain-lain pemprosesan makanan, bantuan dari segi pembekalan peralatan dan mesin serta input pemasaran dan pembungkusan juga termasuk dalam skop bantuan ini," katanya.

Beliau berkata, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, ramai dalam kalangan agropreneur muda secara kreatif menggunakan saluran dalam talian dan media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter serta platform e-dagang Agrobazaar untuk meneruskan operasi.

"Mereka ini pada awalnya terkesan dan menghadapi masalah dari segi pergerakan logistik, tempahan makanan dibatalkan, kesukaran pekerja datang bekerja dan bekalan bahan mentah yang terhad.

"Tetapi selepas beberapa ketika, mereka berjaya mencari jalan penyelesaian bagi meneruskan operasi walaupun dalam batasan PKP," katanya.

Program Agropreneur Muda dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) untuk membantu menggalakkan penglibatan golongan muda berusia 18 hingga 40 tahun dalam sektor agromakanan.

Bentuk bantuan disediakan adalah bantuan Geran Agropreneur Muda sehingga RM20,000 dan pembiayaan sehingga RM200,000 melalui Agrobank, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan khidmat nasihat teknikal.

Pengarah AHB Farm Enterprise, Anuar Hussin yang menerima Geran Agropreneur Muda berjumlah RM20,000 pada 2018 berjaya meningkatkan pengeluaran ternakan ayam kampung asli yang diusahakannya di Kampung Klan Halt 3, Slim River hingga menjana pendapatan RM72,000 setahun.

"Dengan geran yang diperolehi itu, saya telah membina reban ayam baharu dan hasilnya, pengeluaran meningkat dua kali ganda daripada sebelumnya.

"Jualan bulanan juga meningkat daripada hanya sekitar RM2,000 sebulan kepada lebih RM4,000 sebulan," katanya.